

TARIKH	9 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	25	RUANGAN	Dlm Negeri

## Gangguan perkhidmatan sementara Tabung Haji

KUALA LUMPUR 8 Mei - Kemudahan perkhidmatan capaian Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) di Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank akan mengalami gangguan sementara berikutan proses penyelenggaraan sistem dalaman yang sedang dijalankan di seluruh negara.

Pegawai Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan, Atiqah Azrin Norazmi berkata, mesin juruwang automatik (ATM), mesin deposit tunai (CDM) dan perkhidmatan *uniteller* Tabung Haji di Bank Islam dan Bank Rakyat akan mengalami gangguan sementara sebanyak dua kali iaitu pada 11 Mei dan 13 Mei dari pukul 8 malam hingga 8 pagi keesokan harinya.

Sementara itu, menurutnya, gangguan perkhidmatan ATM dan CDM bagi Maybank Islamic untuk transaksi Tabung Haji pula akan berlaku pada 11 Mei, mulai pukul 8 malam sehingga 8 pagi keesokan harinya.

“Para pendeposit diminta berurusan di semua kaunter Tabung Haji yang beroperasi pada tarikh tersebut.

“Gangguan perkhidmatan di bank-bank tersebut akan berlaku di seluruh negara dan pihak Tabung Haji memohon maaf di atas segala kesulitan yang dialami,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sehubungan itu, katanya, pendeposit yang mengalami sebarang masalah dinasihatkan berhubung terus dengan cawangan-cawangan Tabung Haji berhampiran atau menghubungi talian khidmat pelanggan di 03-62071919 untuk sebarang pertanyaan.